

IMEJ INSAN DALAM NOVEL-NOVEL AHMAD LUTFI

Dengan Nama Ahli Tang Muah Dikaroh  
Bagi Hati Pengasuh.

Saya dengan rasa OLEH diri dan ikhlak hati mengucap-

ribut terima MCHAMAD BIN ABDULLAH Mohamed Khalid

dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan UPM,

yang telah perturuh payah mendantu dan membimbing saya se-  
hingga satihan ilmu dan berjaya dilaksanakan.

Keperluan Bagi Memenuhi Syarat Untuk Ijazah  
Dipl. Kehilangan Sarjana Muda Sastera  
Dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan juga  
kepada lembaga kerajaan dan universiti yang bersangkutan  
Pusat Bahasa Inggeris. Juga tiga ahli pengajian sarjana Dipl.  
Ismail bin Ibrahim dari Politeknik Negeri Seremban  
Universiti Malaysia Pulau Pinang yang telah sediakan

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG

1981/1982

Akhir sekali rasa syukur saya tujuhkan  
kepada Tuhan Yang Esa yang selalu memberikan bantuan dan ber-  
telah sungguh ditentu. Mengajar bahasa, mengajar literatur, mengontar dan per-  
kenalkan penulis dilahirkan dan dikenali oleh orang ramai  
ataupun bukan pelajar atau bukan mahasiswa  
berikan kelebihan penulis.

Mohamed bin Abdullah.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah  
Lagi Maha Mengasihani

Saya dengan rendah diri dan ikhlas hati mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Haji Muhammad Khalid Taib ; pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM; yang telah bersusah payah membantu dan membimbing saya sehingga Latihan Ilimiah ini berjaya dilaksanakan.

Terima kasih ikhlas juga saya tujukan kepada Encik Mohd. Salleh Yaafar ; yang sudi membimbing saya di peringkat awal Latihan Ilimiah ini. Terima kasih saya juga kepada kakitangan bahagian Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Juga tidak ketinggalan kepada Encik Ismail bin Ibrahim dari Koleksi Nasional Perpustakaan Universiti Malaya Kuala Lumpur ; yang telah sudi menyediakan bahan-bahan rujukan.

Akhir sekali ribuan terima kasih saya tujukan kepada Tuan Haji Abdullah Hussain Karyawan Tamu USM ; yang telah sudi ditemubual mengenai beberapa aspek tentang personaliti penulis Allahyarham Syed Abdullah bin Syed Hamid Al-Edrus atau nama penanya Ahmad Lutfi.

Terima kasih dan wassalam .

Mohamad bin Abdullah.

SINOPSIS

Berhubung dengan penganalisaan Imej Insan Dalam Novel-novel Ahmad Lutfi ini; saya telah bahagikan Latihan Ilmiah ini kepada enam bab.

Bab pertama ; iaitu bahagian pendahuluan mengandungi beberapa aspek tertentu , seperti tujuan, bidang dan kaedah kajian , serta sumbangan kajian ini berhubung dengan kajian-kajian keatas karya Ahmad Lutfi.

Bab kedua : mengandungi latar belakang pengarang kegiatan dan hasil karyanya, pandangan umum tentang pengarang serta perkembangan novel-novel sezaman.

Bab ketiga secara lengkap memberi definisi tentang konsep -konsep yang berkaitan, iaitu konsep imej, pengertian insan dan definisi novel.

Bab keempat pula membincarakan tentang imej insan yang terpancar dalam novel-novel Ahmad Lutfi secara diskripsi. Imej -imej tersebut dikategorikan kepada tiga ; iaitu imej tokoh atau pemimpin , imej wanita dan imej insan kerdil atau insan biasa.

Bab kelima merupakan bab penganalisaan secara analitis mengenai ketiga-tiga kategori imej yang terdapat dalam bab keempat.

Bab keenam merupakan bab terakhir yang merupakan rumusan daripada kelima-lima bab di atas tadi.

SUSUNAN LATIHAN ILMIAH

	<u>halaman</u>
Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Susunan Latihan Ilmiah	iii
 BAB PERTAMA	 PENDAHULUAN
1.1	1
1.2	3
1.3	4
1.4	Sumbangan Kajian lni Berhubung Den <sup>o</sup> Kajian-kajian ke Atas Kar <sup>o</sup> Ahmad Lutfi
	6
 BAB KEDUA	 LATAR BELAKANG PENGARANG DAN PERKEMBANGAN NOVEL ZAMANNYA
2.1	8
2.2	Kegiatan dan Hasil Karya Ahmad Lutfi
2.3	9
2.4	Pandangan Umum Tentang Penga- rang .
	13
	Perkembangan Novel-novel Se- zaman
	16
 BAB KETIGA	 KONSEP-KONSEP YANG BERKAITAN
3.1	20
3.2	Konsep lmej
3.3	Pengertian lnsan
	20
	Definisi Novel
	22
 BAB KEEMPAT	 IMEJ INSAN YANG TERPANCAR DALAM NOVEL-NOVEL AHMAD LUTFI (SUATU DESKRIPSI)
4.1	26
4.2	lmej Tokoh Atau Pemimpin
4.3	34
	lmej Wanita
	lmej lnsan Kerdil Atau lnsan
	Biasa
	40
 BAB KELIMA	 IMEJ INSAN DAN FAKTOR-FAKTOR SEZAMAN (SUATU PERBINCANGAN ANALITIS)
5.1	45
5.2	lmej Tokoh atau Pemimpin
5.3	69
	lmej Wanita
	lmej lnsan Kerdil Atau lnsan
	Biasa
	81
 BAB KEENAM	 RUMUSAN
	91
 Bibliografi	
Temubual	
Rujukan Khas	

## BAB PERTAMA

PENDAHULUAN1.1 Pendahuluan

Kesusasteraan jenis novel telah bermula sejak pertengahan tahun 1920an, yang memperlihatkan tahap-tahap perubahan imej insan. Sesungguhnya terdapat empat zaman yang memperlihatkan perubahan ini. Zaman sebelum Abdullah Munshi, Zaman Abdullah Munshi, Zaman Sebelum Perang dan Zaman Selepas Perang Dunia ke Dua hingga kini.<sup>1</sup>

Hikayat Faridah Hanum merupakan novel Melayu pertama . lanya ditulis oleh Syed Sheikh Al- Hadi dalam tahun 1926.<sup>2</sup> Karya tersebut diakui sebagai novel Melayu pertama kerana didalamnya mengandungi kisah kehidupan insan yang terpijak di alam nyata. Fakta ini sangat bersesuaian dengan pendapat Ian Watt :

Realisma adalah ciri yang paling nyata bagi membezakan proses cerita moden yang digolongkan sebagai novel dengan cerita -cerita tradisional sebelumnya.<sup>3</sup>

Dengan kata lain bahawa cerita yang disajikan itu benar-benar mengenai kehidupan insan , samaada yang pernah

<sup>1</sup> Rahman Ali, "Peranan dan Gambaran Watak Golongan Agama Dalam Novel-novel Melayu," Berita Minggu.  
2 hb. September 1979. hal .3 .

<sup>2</sup> Agus Salim , Tokoh Yang Kukuh. Singapura: Pustaka Nasional, 1966, hal.152.

<sup>3</sup> Ian Watt, The Rise of the Novel . London : Penguin Books, 1970, hal. 9.

wujud, mungkin wujud atau tidak pernah wujud, tetapi kehidupan yang ditonjolkan itu dapat diterima oleh akal celek pembaca.

Hakikat ini semakin nyata apabila kita mengkaji novel-novel selepas Perang Dunia ke Dua . Novel-novel dalam jangkamasa tersebut jelas menggambarkan pergolakan dalam kehidupan insan Melayu di Singapura dan di Semenanjung Tanah Melayu. lanya jelas berfungsi sebagai didaktik moral , reformasi Islam dan semangat nasionalisma Melayu.

Pendedahan mengenai kehidupan insan secara realistik ini merupakan sesuatu yang lumrah dalam kebanyakan ciptasastera dewasa itu. Dalam hal ini sasterawan Usman Awang berpendapat :

Berbicara tentang sastera , tidak lain daripada berbicara tentang manusia. Berbicara tentang manusia bererti berbicara tentang seluruh kehidupan lahiriah dan batiniahnya. Ini termasuklah suka duka , marah benci,<sup>4</sup> atau berbagai sifat yang merangkuminya.

Bahawa pendapat tersebut mempunyai kebenarannya. Pada hakikatnya insan itu bukan hanya sekadar apa yang dapat kita lihat dengan mata kasar sahaja, malahan mencakupi segala yang tersirat di dalam jiwa sanubari mereka.

---

<sup>4</sup> Usman Awang , Peranan Penulis Dalam Negara Membangun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970. hal. 7.

Memandang pada hakikat tersebut dan berasaskan pendapat sasterawan Usman Awang itu, saya kira amat perlu dibuat suatu kajian mengenai imej insan melalui perwatakan mereka. Dekad 40an dan 50an merupakan dekad-dekad perubahan radikal watak yang telah ditonjolkan oleh para sasterawan ; dalam kebanyakan ciptasastera mereka.

Sesungguhnya kajian dan penilitian seperti ini bukan sahaja dapat mengetahui sejauhmana sikap kritis dan kepakaran penulis , malahan dapat pula diketahui tentang status dan fungsi insan dalam zaman tersebut. Semoga kajian yang sedikit ini akan dapat menambahkan lagi khazanah kesusasteraan kita.

#### 1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau imej-imej insan yang terpancar melalui perwatakan yang terdapat dalam sepuluh buah karya Ahmad Lutfi. Melalui perwatakan juga kita akan dapat melihat sejauhmanakah letaknya imej insan dalam zaman penulis berkarya, khususnya imej yang ada pada tokoh atau pemimpin, kaum wanita dan insan kerdil atau insan biasa.

Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauhmana sikap kritis pengarang , daya intelektualnya , permasalahan yang ditimbulkan disebalik fenomena zamannya. Pengalaman,.. pendidikan serta latar belakang pengarang juga akan diambil kira dalam pengkajian imej yang

terpancar dalam karya-karya tersebut.

Pada akhirnya melalui fakta-fakta di atas akan dapat pula diketahui tentang konsep dan tanggapan pengarang berhubung dengan status-fungsi serta imej insan di zamannya.

### 1.3 Bidang dan Kaedah Kajian

Ahmad Lutfi telah menghasilkan sebanyak 26 buah novel<sup>5</sup> di samping beberapa buah rencana dan kritikan sastera. Hasil karya beliau kebanyakannya dalam tulisan jawi. Ada yang telah dicetak berulang kali. Kajian ini akan dilakukan cuma keatas sepuluh buah novel pilihan. Lima buah yang terkarang dalam tahun 40an ; dan lima buah lagi dalam tahun 50an. Novel-novel yang dipilih dalam tahun 40an ialah : Empat Kali Haram (1949), Bilik 69 (1949), Janda (1949) Menipu Tuhan ( 1949) dan Bangkai Bernyawa (1949). Novel-novel pilihan tahun 50an ialah : Ustazah (1950), Anak Kiyai (1950), Tuan Kadi (1950), I Love You (1950) dan Kawan Syaitan (1950).\*

Novel-novel tersebut yang terkarang antara tahun 1949-1950 merupakan representasi kepada keseluruhan karya

<sup>5</sup> Adibah Amin (Khalidah), Ahmad Lutfi: On Education and Freedom of Women. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1972, hal. Lampiran.

\* Kesemua novel-novel tersebut telah dicetak oleh Percetakan Qalam Singapura.

Ahmad Lutfi yang berbentuk novel ; dalam jangkamasa yang sama. Skop atau bidang kajian ini dibuat sedemikian rupa kerana di akhir-akhir tahun 40an dan di awal tahun 50an; merupakan tahun-tahun yang banyak sekali beliau berkarya. . Justeru itu ; adalah sangat wajar dikajiteliti imej -imej insan yang terhasil dalam jangka masa tersebut. Zaman tersebut juga merupakan zaman segalamacam pancaroba. Ini termasuklah zaman kedatangan semula penjajahan Inggeris, Zaman Malayan Union hangat diperdebatkan, zaman darurat diisyiharkan dan zaman ingin mencapai kemerdekaan .

Kajian akan dibuat keatas beberapa watak penting sahaja . Bagi memudahkan kajian ini; iroy-imej yang terpancar akan dikategorikan kepada tiga; iaitu : imej tokoh atau pemimpin , imej wanita dan imej insan kerdil atau insan biasa. Sebagai contoh; bagi mengkaji imej tokoh atau pemimpin, kita perlu mengkaji sejauhmana kualiti atau ketokohan pemimpin tersebut. Apakah falsafah dan pandangan semestanya. Bagaimana sikapnya ; dan di tahap mana maruah serta status keinsanannya. Adakah dia benar-benar menghayai hidupnya di zaman tersebut atau sebaliknya. Adakah pemimpin tersebut benar-benar berfungsi sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Maka begitulah juga dalam mengkaji dan meneliti imej wanita dan imej insan kerdil atau insan biasa.